

UPM sasar pertingkat pengambilan pelajar asing

SERAMAI 4,000 pelajar asing di-sasarkan mengikuti pengajian ijazah pertama dan pasca sis-wazah di Universiti Putra Malaysia (UPM) menjelang 2010, kata Naib Canselornya, Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah.

Beliau berkata, langkah itu selaras dengan pelan strategi universiti itu untuk mengantara bangsa kan pendidikan dan kepakarannya ke peringkat global.

FAKTA NOMBOR

Sasaran Pelajar Asing UPM

3,000

Mengikuti pengajian pasca siswazah

1,000

Mengikuti pengajian ijazah pertama

980

Jumlah pelajar asing sekarang

"Ketika ini, seramai 517 pelajar asing dari 50 negara mengikuti pelbagai pengajian peringkat sarjana dan 473 lagi doktor falsafah di universiti ini," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Promosi Bersama Duta, Pesuruhjaya Tinggi Asing dan Konsulat di Serdang, semalam.

Mengenai program itu, katanya, ia julung kali diadakan bagi menarik minat pelajar asing mengikuti pelbagai program pengajian di UPM, di samping menggalakkan pertukaran pelajar dan staf serta kerjasama penyelidikan.

Beliau yang tidak menyangka program itu mendapat sambutan menggalakkan apabila dihadiri 52 wakil kedutaan asing berkata, negara luar berminat kerana UPM menjalankan penyelidikan tropika yang disifatkan sebagai unik dan mempunyai kekuatan tersendiri.

"Malah, negara maju seperti Australia, Singapura, Jerman, Korea dan Belanda mengagumi keupayaan UPM khususnya dalam bidang penyelidikan bioteknologi pertanian, perubatan, veterinar dan teknologi makanan.

"Negara sedang membangun seperti Afrika Selatan, Sri Lanka, Fiji, Iran, Libya dan Jordan, turut me-

lahirkan minat untuk meningkatkan jumlah penghantaran pelajar mereka belajar di universiti ini," katanya.

Pesuruhjaya Tinggi Australia, James Wise, menyifatkan UPM mengambil langkah proaktif apabila mengadakan perjumpaan pendidikan dengan duta serta konsulat asing dan berharap ia dicontohi universiti lain.

Walaupun Australia mempunyai kekuatan sendiri dalam bidang pendidikan, beliau berkata, negara itu masih memerlukan kepakaran Malaysia dalam aspek tertentu, contohnya teknologi makanan.

"Berdasarkan pameran penyelidikan UPM, kita dapatkan mereka menghasilkan banyak penemuan dan produk yang mempunyai nilai tinggi dan bertaraf antarabangsa," katanya.

Pesuruhjaya Tinggi Fiji, Adi Litia Samanunu, pula berkata program promosi itu bermanfaat kerana ia memberi peluang meninjau pendidikan Malaysia untuk dikembangkan ke negaranya.

"Kami bangga kerana dapat menghantar pelajar mengikuti pengajian di UPM dan akan meningkatkan jumlahnya pada masa depan," katanya.



PENUH MINAT: Pelajar UPM, Azrifah Zainudin (tiga dari kiri) menunjukkan cara bermain cak lempong kepada duta, pesuruhjaya tinggi dan konsulat asing, sambil diperhatikan Nik Mustapha (kiri) di Serdang, semalam.